



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
***DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA***

Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 12, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545  
Faks :603-88895542  
E-mail:ismailmerican@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA INFLUENZA A(H1N1)**  
**DAN TINDAKAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**5 Jun 2009**

Sehingga 5 Jun 2009, pukul 8.00 pagi, ketiga-tiga kes baru yang dilaporkan sahkan influenza A(H1N1) yang dikesan di Malaysia pada 4 Jun 2009 masih dalam rawatan dan dalam keadaan stabil. Sehingga kini, kes sah influenza A(H1N1) import di Malaysia adalah masih di kekal seramai 5 orang.

Pada masa ini seramai, seramai 63 orang kontak sedang di bawah *Home Quarantine*. Kesemuanya dalam keadaan sihat tanpa gejala jangkitan influenza A(H1N1). Dua daripadanya ialah kontak kes Hong Kong yang akan tamat pada 5 Jun 2009, Selain daripada itu, 35 adalah dari kontek kepada kes ketiga dan 26 adalah kontek kes keempat dan kelima. Kementerian Kesihatan Malaysia telah dimaklumkan dari 276 penumpang dan anak kapal MH091, buat masa ini 71 orang dikesan berada di Malaysia. Sementara itu, dari 78 penumpang dan anak kapal pesawat AK702, 20 telah dikesan. Mereka akan diletakkan di bawah *Home Quarantine* sehingga 8 Jun 2009 bagi MH091 dan 10 Jun 2009 bagi pesawat AK702. Pengesanan penumpang-penumpang lain sedang diteruskan.

Kementerian Kesihatan memohon kerjasama kepada penumpang dan anak kapal yang terlibat untuk menghubungi KKM melalui talian 03-88810200 atau 03-88810300 untuk membolehkan kami memberikan nasihat kesihatan termasuk keperluan *home quarantine*.

Pada 4 Jun 2009 sehingga jam 12.00 malam, sejumlah 22 notifikasi kes-kes yang mempunyai tanda-tanda jangkitan influenza sekembali melawat negara yang terlibat dengan wabak Influenza A(H1N1) diterima dari seluruh negara termasuk 2 kes yang telah disahkan influenza A(H1N1). Kes-kes ini telah dimasukkan ke wad isolasi di lima (5) buah Hospital Rujukan Influenza A(H1N1) bagi tujuan rawatan dan penyiasatan. Semuanya mengalami simptom jangkitan yang ringan. Dari 22 notifikasi, 2 telah disahkan positif terhadap influenza A(H1N1), 12 adalah negatif terhadap influenza A(H1N1) dan 8 masih menunggu keputusan. Sehingga kini, jumlah terkumpul kes yang disiasat kerana mendapat simptom jangkitan influenza selepas melawat negara terlibat wabak influenza adalah sebanyak 433 kes dimana 5 kes disahkan positif, 420 Influenza disahkan negatif A(H1N1) dan 8 masih menunggu keputusan.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) memaklumkan, sehingga 5 Jun 2009, jam 8 pagi, jumlah terkumpul kes influenza A(H1N1) yang dilaporkan ke WHO adalah sebanyak 19,818 kes dengan 117 kematian daripada 67 negara iaitu pertambahan sebanyak 283 kes dari hari sebelumnya dan tiada kematian baru dilaporkan. Pertambahan kes baru adalah dari 8 negara iaitu Australia (243), China (China Mainland, Hong Kong dan Taiwan) (13), Jepun (15), Malaysia (3), New Zealand(1) dan Filipina (8).

Aktiviti saringan di pintu masuk antarabangsa Negara yang berjumlah 53 terus dijalankan yang melibatkan pintu masuk udara, laut dan darat. Pada 4 Jun 2009 sejumlah 15,013 individu yang tiba

dari negara terbabit telah disaring. Daripada jumlah tersebut, 10,859 (72.3%) orang disaring di pintu masuk udara, 2,140 ( 14.3%) di pintu masuk laut dan 2,014 ( 13.4%) di pintu masuk darat. Dua (2) kes yang dikesan dipintu masuk telah dirujuk ke hospital rujukan untuk pemeriksaan lanjut. Untuk makluman, jumlah kumulatif pelawat yang disaring di semua pintu masuk adalah seramai 351,374 orang dimana 262,416 ( 74.7%) disaring di pintu masuk udara, 30,348 ( 8.6%) di pintu masuk laut dan 58,610 ( 16.7%) di pintu masuk darat. Daripada jumlah tersebut, 64 orang telah dirujuk ke Hospital Rujukan Influenza A(H1N1) bagi tujuan penyiasatan.

Kementerian Kesihatan Malaysia ingin menasihati orang ramai agar sentiasa mengambil langkah-langkah penjagaan kebersihan diri masing-masing. Ini termasuklah mengamalkan etika batuk (*cough etiquette*) dengan baik, iaitu menutup mulut dengan sapu tangan atau tangan sendiri ketika batuk dan bersin. Seterusnya, membasuh tangan dengan sabun dan air selepas batuk dan bersin.

Selain itu, orang ramai yang mengalami batuk dan selesema juga dinasihati agar memakai topeng muka jenis 'three ply' untuk mengelak jangkitan kepada orang lain, terutamanya ketika berada di tempat yang sesak dengan orang ramai. Mereka yang mengalami demam, batuk dan selesema dinasihati agar tidak melakukan perjalanan keluar negara atau dari luar negara untuk pulang ke Malaysia, bagi mengurangkan risiko jangkitan pernafasan kepada orang lain.

Kementerian juga ingin menasihatkan orang ramai agar sentiasa mengambil perhatian terhadap situasi semasa penyakit ini dan mendapatkan maklumat yang terkini dan tepat dari Kementerian Kesihatan melalui laman web Kementerian Kesihatan iaitu <http://www.moh.gov.my> dan pengumuman KKM melalui media dari masa ke semasa.

Sekian dan terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN**  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 5 Jun 2009